

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

(a) sejauh manakah kejayaan *Economic Transformation Programme* (ETP); dan

(b) Kementerian, Jabatan dan Agensi mana yang telah berjaya dan yang telah gagal mencapai sasaran dalam agenda ini dan apakah tindakan yang telah diambil.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Economic Transformation Programme* (ETP) ini akan melonjakkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia daripada ASD6,700 pada 2009 kepada ASD15,000 pada 2020 dan menarik pelaburan berjumlah ASD\$444 bilion yang mana 92 peratus daripada jumlah pelaburan dijangka daripada sektor swasta. Dijangkakan juga sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan menjelang 2020, meliputi seluruh negara, termasuklah kawasan bandar dan luar bandar dan menyaksikan peralihan kepada golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi.

Berdasarkan kepada sokongan permintaan dalam negeri yang kukuh dan pemulihan dalam eksport, kita telah berjaya mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang menggalakkan sebanyak 5 peratus pada tahun 2015 sekaligus mengatasi pertumbuhan global pada 2.4 peratus. Pertumbuhan ini adalah selari dengan sasaran antara 4.5 hingga 5.5 peratus. Antara tahun 2010 hingga 2015, KDNK meningkat sebanyak 30 peratus daripada RM797.3 billion kepada RM1.13 trilion. Manakala, pertumbuhan KDNK disasarkan berkembang antara 4 hingga 4.5 peratus pada tahun 2016. Sasaran ini telah diperaku oleh kebanyakan agensi penarafan antarabangsa seperti Standard & Poor's (S&P) yang menyatakan bahawa Malaysia akan terus kekal berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh, dengan eksport barangan perkilangan dan pertumbuhan dalam penggunaan swasta dan pelaburan memacu pengembangan ekonomi.

Di samping itu, sepanjang tempoh lima tahun transformasi ekonomi, sektor swasta telah berkembang dan menyumbang nisbah pelaburan yang lebih besar berbanding sektor awam. Pada tahun 2015, sektor swasta telah menyumbang 65 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia berbanding 55 peratus pada tahun 2010. Jumlah pelaburan juga telah meningkat dengan pesat pada kadar purata sebanyak 8.3 peratus pada tahun 2011 hingga 2015, berbanding dengan hanya 5.3 peratus antara tahun 2006 hingga 2010.

Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal yang mana pada tahun 2015, defisit fiskal berada pada paras 3.2 peratus daripada KDNK berbanding dengan 5.4 peratus pada tahun 2010.

Dengan pengukuhan asas ekonomi ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat 4.6 kali daripada RM7,829 (AS\$2,847) pada tahun 1991 kepada RM36,285 (AS\$9,291)<sup>1</sup> pada tahun 2015. Jika dibandingkan dengan tahap minimum semasa PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak AS\$12,736 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Malaysia terus mendapat pengiktirafan antrabangsa di mana kedudukan Malaysia sebagai salah satu daripada 18 negara paling kompetitif dalam kalangan 140 ekonomi di seluruh dunia, dalam *Global Competitiveness Report 2014-2015* oleh Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum, WEF*), mengesahkan keberkesanan pembaharuan ekonomi yang dilakukan oleh negara kita. Malaysia meningkat dua anak tangga daripada tahun sebelumnya, sekali gus mengukuhkan kedudukannya

---

<sup>1</sup> RM/AS\$:3.9055 (2015)

dalam senarai 20 ekonomi paling kompetitif di dunia, iaitu ranking tertinggi yang dicapai oleh negara kita sejak tahun 2005. Selain itu, Malaysia turut meningkatkan rankingnya dalam Laporan *Ease of Doing Business 2015* oleh Bank Dunia kepada tempat ke- 18 daripada tempat ke-20 pada tahun 2014, mendahului ekonomi lain seperti Taiwan, Switzerland, Thailand, Belanda dan Jepun. Di Asia, negara kita meraih tempat ke-4 selepas Singapura, Hong Kong dan Korea Selatan.

Pada tahun 2015, Petunjuk Prestasi Utama untuk Bidang Program Transformasi Ekonomi Utama Negara Ekonomi (NKEA) mencatatkan 109 peratus; melebihi sasaran bagi tahun 2015. Kejayaan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa penglibatan dan kerjasama agensi-agensi, jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian kerajaan yang terlibat dan pihak swasta dalam memastikan setiap inisiatif ETP dapat dijayakan bersama.

Penilaian dan kemajuan ETP bagi setiap sektor NKEA boleh dirujuk pada halaman-halaman laporan terkini yang boleh diperolehi di laman sesawang PEMANDU.

Sekian, terima kasih.